



Ruj. Kami: SUK.Ps.01/154 Jld. 2 (59)
Tarikh: 9 Mac 2023

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
SEMUA KETUA BADAN BERKANUN NEGERI
SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN
SEMUA SETIAUSAHA BAHAGIAN/ KETUA UNIT, PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS BIL. 17:
- WAKTU BEKERJA FLEKSI DI BULAN RAMADHAN BAGI PEGAWAI DI
PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana Yang Berhormat/ Tuan/ Puan sedia maklum, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 mengenai Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan. Selaras dengan pelaksanaan WBF tersebut, waktu rehat pada Bulan Ramadhan mulai tahun 2019 dikurangkan selama 30 minit bagi membolehkan pegawai meninggalkan pejabat 30 minit lebih awal.

3. Dalam hal tersebut, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 8 Mac 2023 telah bersetuju supaya WBF Bulan Ramadhan ditambah baik dengan pilihan waktu rehat seperti berikut:

PILIHAN	HARI	WAKTU BEKERJA		WAKTU REHAT
		WAKTU MASUK	WAKTU KELUAR	
PERTAMA	Isnin - Khamis	7.30 pg. – 9.00 pg.	4.00 ptg. – 5.30 ptg.	1.00 ptg. - 1.30 ptg.
	Jumaat			12.30 tgh. - 2.30 ptg.
KEDUA	Isnin - Khamis	7.30 pg. – 9.00 pg.	3.30 ptg. – 5.00 ptg.	TIADA
	Jumaat			1.00 ptg. - 2.30 ptg.

4. Sehubungan dengan itu bagi melaksanakan urusan ini, semua Ketua Jabatan/ Setiausaha Bahagian adalah bertanggungjawab bagi memastikan urusan perkhidmatan meliputi perkhidmatan kaunter berjalan lancar sepanjang masa operasi jabatan. Hebahan mengenai kaunter perkhidmatan yang perlu dibuka secara berterusan sepanjang bulan Ramadhan hendaklah dilaksanakan dengan sebaiknya. Ketua Jabatan/ Setiausaha Bahagian adalah bertanggungjawab memastikan pegawai mengisi borang seperti di Lampiran A untuk memilih tempoh waktu rehat yang bersesuaian dengan keperluan WBF pegawai.


5. Segala perhatian dan kerjasama Yang Berhormat/ Sahibus Samahah/ Yang Amat Arif/ Tuan/ Puan berhubung arahan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah


(DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD)

S.k.: Setiausaha Bahagian
Unit Pengurusan Korporat dan Integriti



**BORANG WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) BULAN RAMADHAN TAHUN 2023 BAGI
PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

JABATAN :

NAMA PEGAWAI :

JAWATAN/ GRED :

BAHAGIAN/ JABATAN :

ARAHAN:

Tuan/ Puan adalah dikehendaki membuat pilihan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) bagi Bulan Ramadhan dengan mengisi pilihan dalam Jadual di bawah ini.

PETAK A: PERMOHONAN PEGAWAI

PILIHAN	HARI	WAKTU BEKERJA		WAKTU REHAT	TANDAKAN (√)	PERAKUAN PEGAWAI
		WAKTU MASUK	WAKTU KELUAR			
PERTAMA	Isnin - Khamis	7.30 pg. - 9.00 pg.	4.00 ptg. - 5.30 ptg.	1.00 ptg. - 1.30 ptg.		Saya membuat pilihan tempoh waktu rehat seperti ditanda (√).
	Jumaat			12.30 tgh. - 2.30 ptg.		
KEDUA	Isnin - Khamis	7.30 pg. - 9.00 pg.	3.30 ptg. - 5.00 ptg.	TIADA	 Tandatangan pegawai Tarikh:
	Jumaat			1.00 ptg. - 2.30 ptg.		

PETAK B: KELULUSAN KETUA JABATAN

PILIHAN	HARI	WAKTU BEKERJA		WAKTU REHAT	TANDAKAN (√) KELULUSAN	KELULUSAN KETUA JABATAN
		WAKTU MASUK	WAKTU KELUAR			
PERTAMA	Isnin - Khamis	7.30 pg. - 9.00 pg.	4.00 ptg. - 5.30 ptg.	1.00 ptg. - 1.30 ptg.		Setelah meneliti permohonan waktu rehat di Petak A, penetapan waktu rehat tuan/puan adalah seperti ditandakan (√).
	Jumaat			12.30 tgh. - 2.30 ptg.		
KEDUA	Isnin - Khamis			TIADA	 Tandatangan Ketua Jabatan Tarikh:
	Jumaat	7.30 pg. - 9.00 pg.	3.30 ptg. - 5.00 ptg.	1.00 ptg. - 2.30 ptg.		